

**NO. SOALAN : 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan statistik jumlah pelancong ke Kelantan untuk tempoh 5 tahun dari 2010 hingga 2015.**

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Jumlah Penginap Hotel bagi tempoh 2010 – 2014, Kelantan telah menerima seramai 4.8 juta orang penginap hotel. Daripada jumlah tersebut, 4.5 juta adalah penginap domestik dan 340, 977 adalah penginap antarabangsa. Pecahan terperinci Penginap Hotel di Kelantan untuk tahun 2010 – 2014 adalah seperti berikut:-

<b>JUMLAH PENGINAP HOTEL BAGI NEGERI KELANTAN</b>			
<b>TAHUN</b>	<b>DOMESTIK</b>	<b>ANTARABANGSA</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
<b>2010</b>	753,755	74,926	828,681
<b>2011</b>	760,943	69,331	830,274
<b>2012</b>	881,098	60,585	941,683
<b>2013</b>	936,908	72,942	1,009,850
<b>2014</b>	1,144,316	63,193	1,207,509
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,477,020</b>	<b>340,977</b>	<b>4,817,997</b>

*\*Berdasarkan kepada Kajian Penginapan Hotel Tourism Malaysia*

Manakala bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, Kelantan mencatatkan seramai 246,034 orang penginap hotel. Daripada jumlah tersebut, 231,776 adalah penginap domestik dan 14,258 adalah penginap antarabangsa.

Jumlah ini adalah berdasarkan kepada Kajian Penginapan Hotel yang dijalankan secara '*sampling*' oleh Tourism Malaysia ke atas 33 buah hotel yang mempunyai 10 bilik ke atas di Kelantan. Kajian ini tidak termasuk *service apartment*, *homestay* dan hotel yang mempunyai kurang daripada 10 bilik.

Sekian, terima kasih.